

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961
DAN
PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)
OGOS 2022

Arahan Kepada Calon-Calon

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:

Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab:

Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu

***** SEMOGA BERJAYA *****

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **30 soalan**. Calon dikehendaki **menjawab semua soalan**. Setiap soalan mempunyai 1 markah.

- 1) Waktu berkerja minimum di jabatan-jabatan kerajaan ialah
 - a. 7 $\frac{1}{4}$ Jam
 - b. 7 $\frac{1}{2}$ Jam
 - c. 8 $\frac{1}{2}$ Jam
 - d. 8 $\frac{1}{4}$ Jam

- 2) Pengiklanan jawatan kosong menurut Bab 38 (b) ialah
 - a. Iklan terbuka kepada orang ramai
 - b. Iklan untuk kakitangan di semua Kementerian dan Jabatan
 - c. Iklan untuk kakitangan dalam Kementerian dan Jabatan sahaja
 - d. Iklan khusus untuk orang ramai dan kakitangan kerajaan

- 3) Kadar pembayaran gaji sehari bagi pemegang **kelulusan Ijazah kepujian** sepertimana yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007 ialah
 - a. \$127.70
 - b. \$119.50
 - c. \$140.60
 - d. \$113.30

- 4) Siapakah pihak yang berkuasa yang mempertimbangkan pengemaskinian Skim Perkhidmatan dalam perkhidmatan awam?
- a. Kementerian Kewangan dan Ekonomi
 - b. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan
 - d. Jabatan Perkhidmatan Awam
- 5) Tempoh lantikan memangku bagi jawatan-jawatan dalam Bahagian II dan III dalam Buku Anggaran Perbelanjaan adalah selama
- a. 14 hari ke atas
 - b. 11 hari atau lebih
 - c. 11 hari ke bawah
 - d. 1 hari atau lebih
- 6) Kuasa membenarkan memangku jawatan Timbalan / Penolong Ketua Jabatan atau Pengarah bagi Jabatan yang mempunyai jawatan Pengarah dan jawatan-jawatan lain ialah
- a. Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing
 - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - c. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - d. Ketua Jabatan masing-masing
- 7) Kadar baksis yang diberikan kepada semua peringkat pegawai kontrak tempatan adalah
- a. 10 %
 - b. 15 %
 - c. 20 %
 - d. 25 %

- 8) Kelayakan cuti kontrak asing bagi Bahagian III ialah
- a. 48 hari
 - b. 32 hari
 - c. 26 hari
 - d. 24 hari
- 9) Apakah tindakan yang boleh diambil kepada kakitangan kerajaan yang telah dijemput menghadiri majlis-majlis rasmi tetapi tidak hadir tanpa alasan yang munasabah
- a. Digantung kerja
 - b. Ditahan gaji dan elaun
 - c. Diberikan teguran dan peringatan secara lisan
 - d. Diturunkan pangkat
- 10) Berapakah kadar Elaun Gangguan bagi kakitangan Bahagian III yang diarahkan berpindah atas arahan Ketua Jabatan dari satu daerah ke satu daerah yang lain?
- a. \$350.00
 - b. \$260.00
 - c. \$220.00
 - d. \$150.00
- 11) Jumlah maksimum caruman Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP) ialah
- a. \$96.00
 - b. \$97.50
 - c. \$98.00
 - d. \$99.50

- 12) Bonus tahunan akan diberikan kepada pegawai dan kakitangan seperti berikut
- a. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan dalam negeri
 - b. Didapati bersalah di mahkamah
 - c. Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan luar negeri
 - d. Digantung semasa dalam Perkhidmatan
- 13) Cuti khas menemani suami / isteri bertugas di luar negeri dikhususkan untuk kementerian mana?
- a. Kementerian Hal Ehwal Ugama
 - b. Jabatan Perdana Menteri
 - c. Kementerian Pertahanan
 - d. Kementerian Kesihatan
- 14) Berapakah sukat-sukat jumlah cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik persendirian?
- a. Satu (1) hari cuti sahaja
 - b. Tiga (3) hari cuti sahaja
 - c. Tidak boleh melebihi tiga (3) hari berturut-turut
 - d. Tidak boleh melebihi dua (2) hari berturut-turut
- 15) Cuti kahwin yang dibenarkan serta bergaji penuh bagi para guru dan tenaga pengajar bahagian III dan ke bawah ialah selama
- a. Satu (1) Minggu
 - b. Dua (2) Minggu
 - c. Tiga (3) Minggu
 - d. Empat (4) Minggu

- 16) Cuti Batuk Kering maksimum yang dibenarkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bi: 8/1985 ialah
- a. Empat (4) bulan dengan bergaji penuh
 - b. Lima (5) bulan dengan bergaji penuh
 - c. Enam (6) bulan dengan bergaji penuh
 - d. Tujuh (7) bulan dengan bergaji penuh
- 17) Tempoh Cuti Tidak Bergaji yang diambil oleh kakitangan kerajaan akan mengakibatkan terjejasnya beberapa perkara. Sila pilih satu yang paling tepat:
- a. Sokongan Latihan Dalam Perkhidmatan
 - b. Sokongan mendapatkan perumahan kerajaan
 - c. Sokongan penetapan jawatan
 - d. Sokongan pengeluaran TAP
- 18) Kebenaran mendiami rumah / pangsa akan dibatalkan jika pegawai sama ada suami atau isteri atau kedua-duanya memiliki rumah melalui salah satu skim berikut. Sila pilih yang paling betul:
- a. Mendapat bantuan di bawah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah
 - b. Membangun rumah melalui pinjaman Bank
 - c. Membuat rumah melalui sumber kewangan sendiri
 - d. Tinggal di rumah keluarga
- 19) Mata pelajaran bagi Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah (PKKR) ialah
- a. Aturan Pejabat, Pengetahuan Am dan MIB
 - b. MIB, Trengkas dan Pengetahuan Am
 - c. Pengetahuan Am, MIB dan Surat Menyurat
 - d. Surat Menyurat, Aturan Pejabat dan Pengetahuan Am.

- 20) Tatacara perhubungan persuratan dalam kementerian / Jabatan di antara Setiausaha Tetap dengan Jabatan dalam kementerian yang sama ialah
- a. Bersurat (*letterhead*)
 - b. Memorandum (memo)
 - c. Minit dan e-mel
 - d. Memorandum (memo) dan Bersurat (*letterhead*)
- 21) Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) boleh dilakukan dengan teknik Putaran RLST. Apa yang dimaksudkan dengan RLST?
- a. Rancang, Laksana, Selia, Tindakan
 - b. Rancang, Laksana, Semak, Teruskan
 - c. Rancang, Laksana, Semak, Tindakan
 - d. Rancang, Lihat, Semak, Tindakan
- 22) Apa pengertian **simbol** bagi rajah  dalam Carta Aliran Kerja Manual Prosedur Kerja (MPK)?
- a. Penyambung
 - b. Tindakan (Langkah)
 - c. Aliran Tindakan
 - d. Pilihan / Keputusan
- 23) Urus Setia kepada *Chief Information Officers (CIO) Forum* ialah
- a. Kementerian Pengangkutan dan InfoKomunikasi
 - b. Pusat Kebangsaan E-Kerajaan
 - c. Jabatan Perdana Menteri
 - d. Pejabat Teknologi Maklumat dan Inovasi JPMK

- 24) Keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj sepertimana dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 05/2021 terdiri dari beberapa orang ahli. Sila pilih satu yang bukan ahli:
- a. Jurukira Agung
 - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - c. Juruaudit Agung
 - d. Timbalan Pengerusi SPA
- 25) Kemudahan-kemudahan yang dihulurkan semasa mengikuti kursus secara separuh masa (*part time*) di dalam negeri mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 07/2021 ialah
- a. Yuran Pengajian dan Diikat Janji (*Bond*)
 - b. Elaun Buku dan Elaun Projek
 - c. Tidak diberikan kemudahan kecuali Diikat Janji (*Bond*)
 - d. Jawapan a dan b
- 26) Apakah syarat penilaian prestasi bagi Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 08/2021?
- a. Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya Gred C 'Baik'
 - b. Penilaian Prestasi Gred B 'Sangat Baik'
 - c. Penilaian Prestasi Gred A 'Cemerlang' dan Gred B 'Sangat Baik'
 - d. Jawapan a, b dan c

- 27) Berapakah kadar sebulan **Elaun Penyedia Penjagaan** seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 12/2021?
- a. \$150.00
 - b. \$200.00
 - c. \$250.00
 - d. \$300.00
- 28) Bagaimanakah kedudukan pegawai dan kakitangan yang mendiami rumah Kerajaan yang akan berpindah ke sektor swasta atas sebab penswastan / pengkorporatan sepertimana dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 01/2019?
- a. Boleh terus mendiami rumah kerajaan tersebut
 - b. Mengosongkan rumah kerajaan berkenaan
 - c. Tidak perlu mengambil apa-apa tindakan
 - d. Tunggu surat dari tempat bertugas yang baru.
- 29) Peperiksaan GO dan FR dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak berapa kali setahun?
- a. 1
 - b. 2
 - c. 3
 - d. 4
- 30) Peperiksaan GO dan FR adalah mandatori kepada beberapa kategori jawatan. Sila pilih 1 jawatan berikut yang tidak termasuk dalam kategori tersebut.
- a. Pegawai Perbekalan
 - b. Pegawai Perolehan
 - c. Pegawai Pemasaran
 - d. Pegawai Kakitangan

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi 10 soalan. Calon dikehendaki untuk **menjawab tujuh (7) soalan sahaja** dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

- 1) Sila berikan sukatan gaji sehari yang diberikan menurut kelulusan HND, Ijazah Lulus, Ijazah Kepujian, Ijazah Sarjana dan PhD kepada kakitangan bergaji hari sepertimana yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007. (5 Markah)
- 2) Apakah lima (5) faedah yang layak diberikan kepada pegawai kontrak yang tidak disambung atau ditamatkan perkhidmatannya? (5 Markah)
- 3) Berapakah kadar Elaun Sara Hidup yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Bahagian I, II, III, IV DAN V? (5 Markah)
- 4) Elaun Bermalam boleh dibayar kepada semua pegawai (termasuk kakitangan bergaji hari) yang menjalankan tugas di dalam negeri dan tinggal bermalam di luar dari kawasan tempatnya bertugas. Berapakah kadar elaun berkenaan? (5 Markah).
- 5) Apakah elaun-elaun yang tidak patut diterima bagi pegawai dan kakitangan yang mengambil cuti tahunan melebihi 30 hari? (5 Markah)
- 6) Sila sebutkan berapa Peratus (%) markah bagi penilaian prestasi pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Gred A, B, C, D dan E (5 markah)
- 7) Cuti tanpa catat hanya diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam yang menyertai kegiatan-kegiatan apa? Sila sebutkan lima (5) kegiatan berkenaan. (5 markah)
- 8) Sila sebutkan lima (5) penyelarasan insentif-insentif yang ada berkaitan dengan sistem penilaian prestasi (5 Markah)

- 9) Apakah ciri-ciri penilaian prestasi bagi pegawai-pegawai bahagian III dan bahagian IV? Sila senaraikan lima (5) ciri-ciri tersebut. (5 Markah)

- 10) Surat Pemberitahuan dikeluarkan oleh kementerian-kementerian / jabatan-jabatan mengenai isu-isu yang bersifat pentadbiran atau rutin berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab semata-mata bagi melicinkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Sila sebutkan lima (5) kandungan surat pemberitahuan. (5 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon dikehendaki **menjawab dua (2) soalan sahaja**. Setiap soalan mempunyai 17½ markah.

SOALAN 1 – LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Awang Ibrahim bin Ali, Pegawai Kakitangan telah berkhidmat dengan Jabatan Perdana Menteri selama lima (5) tahun. Beliau bercadang untuk menyambung pengajian dalam usaha untuk menambah kelulusannya. Sila jawab soalan-soalan berikut.

1. Sila sebutkan dua (2) Skim Latihan Dalam Perkhidmatan yang ada pada masa ini. (2 Markah)
2. Berapakah tempoh ikat janji (*bond*) berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh kursus seperti berikut: (5 Markah)
 - a) Kurang daripada empat (4) bulan
 - b) Empat (4) bulan hingga kurang daripada lapan (8) bulan
 - c) Satu (1) tahun hingga kurang daripada dua (2) tahun
 - d) Empat (4) tahun hingga kurang daripada lima (5) tahun
 - e) Tujuh (7) tahun hingga kurang daripada lapan (8) tahun
3. Di samping menerima Gaji, sila nyatakan kemudahan dan elaun lain yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan semasa mengikuti Skim Cuti Belajar Dalam Negeri. (7 Markah)

4. Skim Latihan Dalam Perkhidmatan akan ditamatkan dan seterusnya pegawai dan kakitangan kerajaan berkenaan akan dikenakan tindakan yang bersesuaian jika gagal mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Latihan Dalam Perkhidmatan seperti yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri dan Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam, Peraturan-Peraturan Am Pegawai Kerajaan (*General Orders*) 1961, Surat Perjanjian dan Surat Kebenaran Latihan Dalam Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sila sebutkan tiga (3) tindakan yang boleh diambil terhadap pegawai dan kakitangan berkenaan. (3 Markah)

5. Berapakah kadar Elaun Pakaian yang dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan semasa mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Di Seberang Laut (LDPSL). (1/2 Markah)

SOALAN 2 – PENYERAPAN PERKHIDMATAN *OPEN VOTE* DAN LANTIKAN PERKHIDMATAN BERGAJI HARI KE PERKHIDMATAN TETAP

Dayang Supinah bte Matyassin, Pegawai Pentadbir Tkt 1 telah diamanahkan untuk menguruskan Penyerapan *Open Vote* dan Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap. Sila jawab soalan-soalan berikut:

- 1) Sila sebutkan tiga (3) Skim Perkhidmatan yang telah diluluskan bagi penyerapan perkhidmatan *Open Vote* dan lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap. (3 Markah)
- 2) Kakitangan dalam Pekhormatan Bergaji Hari akan dilantik ke Perkhidmatan Tetap dalam jawatan dan bahagian yang sama tertakluk kepada lima (5) syarat tertentu. Apakah syarat-syarat tersebut? (5 markah)
- 3) Kakitangan dalam Pekhormatan Bergaji Hari yang telah dilantik ke Perkhidmatan Tetap akan menjalani tempoh percubaan. Sila sebutkan tempoh percubaan bagi Bahagian IV dan Bahagian V. (2 markah)
- 4)
 - a) Bagaimana kedudukan kakitangan dalam Perkhidmatan Bergaji Hari yang tidak memenuhi syarat-syarat untuk dilantik ke Perkhidmatan Tetap? (2 Markah)
 - b) Bagaimana pula kedudukan jawatan bagi mana-mana kakitangan Perkhidmatan *Open Vote* dan Perkhidmatan Bergaji Hari yang telah diserapkan / dilantik ke Perkhidmatan Tetap seandainya kakitangan tersebut naik pangkat atau bersara atau menamatkan perkhidmatan? (2 Markah)
 - c) Dengan berkuatkuasanya Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai Penyerapan Perkhidmatan *Open Vote* dan Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap ini, bagaimana pula tatacara jika hendak membuat pengambilan baru kakitangan ke Perkhidmatan Bergaji Hari? (2 Markah)

- d) Penyerapan kakitangan dalam Perkhidmatan *Open Vote* dan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai (1 Markah)
- 5) Sila sebutkan bilangan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang menyentuh mengenai Penyerapan Perkhidmatan *Open Vote* dan Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap. (1/2 Markah).

SOALAN 3 – PERLAKSANAAN SKIM TABUNG AMANAH PEKERJA (TAP)

Awang Zulkernain bin Rahim, Pegawai Saintifik mula berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan pada tahun 1993. Daripada pembacaannya mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja, skim ini diadakan adalah untuk memberikan kemudahan keselamatan sosial bagi semua pekerja di Negara Brunei Darussalam sama ada dalam sektor Kerajaan ataupun sektor swasta. Awang Zulkernain masih memerlukan penerangan lanjut mengenai Skim Tabung Amanah Pekerja ini dan telah berjumpa pihak pentadbiran untuk mengajukan beberapa soalan. Sila jawab soalan-soalan berikut:

- 1) Sila sebutkan bilangan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai Perlaksanaan Skim Tabung Amanah Pekerja dan bilakah tarikh berkuatkuasa Skim Tabung Amanah Pekerja (2 Markah)
- 2) Ada empat (4) kategori pegawai dan kakitangan yang dikecualikan dan tidak termasuk dalam Skim Tabung Amanah Pekerja. Sila sebutkan. (4 Markah)
- 3) Wang simpanan pekerja tidak boleh dikeluarkan sehingga pekerja mencapai umur persaraan 55 tahun. Walau bagaimanapun, pekerja dibenarkan untuk mengeluarkan wang simpanan dalam keadaan tertentu. Sebutkan keadaan berkenaan dan jumlah peratus yang boleh dikeluarkan. (10 Markah)
- 4) Berapakah peratus simpanan daripada gaji pokok yang diwajibkan disimpan di Tabung Amanah Pekerja oleh setiap kakitangan kerajaan yang memasuki Skim Tabung Amanah Pekerja dan berapa peratus sumbangan pula dari pihak Kerajaan selaku majikan? Apakah nama panggilan yang diberikan kepada penyimpanan ini? (1½ Markah)